

Analisis Komponan Makna Terma *Taharah* dan Padanannya dalam Bahasa Melayu

Mohamad Hussin¹, Mat Taib Pa², Na'imah³

^{1,2} Department of Arabic and Middle Eastern Languages, Faculty of Languages and Linguistics, Universiti Malaya, Malaysia.

 **ORCID: 0000-0000-0000-0000**

³ Faculty of Islamic Education, Sunan Kalijaga Islamic State University Yogyakarta, Indonesia.

 **ORCID: 0000-0000-0000-0000**

Corresponding Author:
mohamadhussin@um.edu.my

Submitted: 1/01/2022
1st Revised: 1/03/2022
2nd Revised: 1/03/2022
Accepted: 10/03/2022
Online Published: 25/03/2022

Citation: Mubin, M. N., The Effect of Lego Games on Improving Children's Creativity Development, IJBER: International Journal of Basic Educational Research, 7(4) 2023; 1-10, doi: 10.14421/IJBER.tahun.volumenomor-01

Abstract

Perkembangan gaya hidup semasa menyebabkan perkhidmatan dobi layan diterima dengan baik dalam kalangan masyarakat. Beberapa isu yang pernah dimainkan dalam media sosial terkait perkhidmatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran masyarakat boleh dipersoalkan. Kajian ini bertujuan untuk menilai ciri-ciri makna terma *ṭahārah* serta merumuskan padanan yang sinonim dengannya dalam bahasa Melayu. Teori *Componential Analysis* diaplikasi untuk membina medan makna bagi istilah *ṭahārah*, dan mencari padanan yang terhampir kepada terma ini dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terma suci adalah padanan terhampir kepada terma *ṭahārah* seperti yang dituntut syarak, walaupun terdapat kekurangan ciri pada terma berkenaan. Kekurangan ciri ini akan menyumbang kepada penyempitan makna oleh masyarakat. Manakala terma-terma lain yang seakan sinonim tidak menepati ciri-ciri makna *ṭahārah*. Implikasi kajian ini mengisyaratkan bahawa didikan asas agama adalah penting untuk memantapkan kefahaman fardu ain masyarakat dan membentuk etika mereka dalam menjalani kehidupan seharian agar selari dengan tuntutan syarak.

Introduction

Industri dobi layan diri berkembang pesat di seluruh negara. Bukan sahaja di bandar-bandar besar, malah di pekan kecil juga perkhidmatan ini ditawarkan dan diterima dengan baik oleh pengguna. Pengguna memanfaatkan kemudahan ini untuk menyucikan pakaian harian, dan keperluan lain sementelah pula tuntutan kehidupan seharian menyebabkan masyarakat semakin sibuk dengan urusan seharian sehingga kurang berkelapangan memenuhi kegiatan harian ini di rumah (Lubis et al., 2015). Kemunculan industri ini ternyata membantu merancakkan lagi perkembangan industri kecil dalam negara.

Walau bagaimanapun masih wujud pandangan spektikal terhadap perkhidmatan menyucikan pakaian di premis dobi layan diri (Mstar, Sept 2, 2022), terutamanya mengenai sejauh mana perkhidmatan ini memenuhi piawai tahap kesucian pakaian yang dibersihkan berdasarkan tuntutan agama (Sani, 2017), isu keselamatan penggunaan peralatan di premis dobi layan diri (Dorsono, 2019; Harian Metro, 2019, Okt 16), isu pakaian hilang (Dorsono, 2019) dan isu taboo berkaitan pelanggan asing boleh mengeluarkan sebarang pakaian individu daripada mesin tanpa kebenaran pemiliknya sekiranya ditinggalkan (Hiyer, 2019; Dorsono, 2019). Tambahan pula muncul beberapa isu hangat yang dimainkan di media sosial dewasa ini seperti dobi khusus untuk muslim (Sani, 2017; Buang, 2017), perkongsian tanpa kawalan perkhidmatan berkenaan (Suki, 2019; Mstar, Sept 2, 2022), pengguna mendera binatang dengan memasukkan kucing bunting ke dalam mesin pengering di premis dobi layan diri (Yaacob, 2018), malah terdapat pengguna yang melemaskan 3 ekor kucing dalam mesin basuh di premis dobi layan diri (Fuad, 2020) seperti yang pernah tular suatu ketika dahulu.

Dari sudut agama, al-Quran dan kitab-kitab fikah menggunakan terma *tahārah* dalam membahaskan mengenai kewajipan bersuci daripada kotoran dan najis. Terma *tahārah* ini mempunyai komponen makna khusus yang nyata berbeza dengan empat lagi padanan terjemahan yang ada dalam bahasa Melayu iaitu suci, bersih, cuci dan nirmala. Hal ini kerana *tahārah* melibatkan kebersihan yang dicerap oleh pancaindera, di samping memenuhi tuntutan syarak yang tertentu. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang ketara antara istilah-istilah berkenaan dari sudut makna dan juga amalan seharian.

Terma *tahārah* ini didapati dipadankan dengan berbagai-bagai versi terjemahan dalam kitab terjemahan al-Quran ketika diterjemah ayat-ayat yang berkaitan dengan tuntutan *tahārah*. Antara ayat-ayat yang membahaskan mengenai kewajipan *tahārah* ialah ayat 33 surah *al-Aḥzāb* yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmieh (2013, p. 1108) sebagai 'membersihkan sebersih-bersihnya' dan diterjemahkan oleh Hamka (1983, p.) sebagai 'membersihkan sebenar-benar bersih'. Manakala ayat 48 surah *al-Furqān* diterjemahkan oleh Abdullah Basmieh (2013, p. 930) sebagai 'air yang bersih suci' dan diterjemahkan oleh Hamka (1983, 18 p. 24) sebagai 'air yang bersih'. Ayat 11 surah *al-Anfāl* pula diterjemahkan oleh Abdullah Basmieh (2013, p. 404) sebagai 'air untuk mensucikan kamu', dan diterjemahkan oleh Hamka (1983, 9, p. 258) sebagai 'untuk membersihkan kamu'. Realitinya terdapat pelbagai versi terjemahan untuk terma ini dan terjemahan yang dihasilkan menggunakan tiga konotasi yang berbeza iaitu bersih, bersih suci dan suci. Kedua-dua perkataan bersih dan suci ini mempunyai medan makna yang agak berbeza antara satu dengan yang lain dalam bahasa Melayu. Menurut Abdullah et al. (2017) ketidakseragaman antara terjemahan terma Arab kepada bahasa Melayu menyebabkan wujudnya terjemahan yang bersifat tidak kohesi, seterusnya mengganggu kefahaman pengguna terhadap maksud yang ingin disampaikan (Kamal, 2023).

Bahasa Melayu meminjam banyak terma dan kosa kata dari bahasa Arab, khususnya terma yang berkaitan agama dan perundangan (Rahman et al. 2018). Kesan meminjam makna dari bahasa lain kepada bahasa sasaran menyumbang kepada perubahan makna yang merangkumi pengitlakan makna, penyempitan makna, peninggian atau penurunan taraf makna serta pengukuhan atau pelemahan makna (Pyles & Algeo, 1982). Kajian Jumat (2023) mendapati masyarakat Melayu memahami beberapa kata serapan Arab seperti sunah, tahlil, sedekah, wali, nur dan rahim dengan kurang tepat berbanding dengan maksud asalnya dalam bahasa sumber. Mereka cenderung menyempitkan makna istilah-istilah berkenaan.

Sebahagian kata pinjaman Arab disempitkan penggunaannya dalam bahasa Melayu kepada konotasi negatif seperti perkataan khalwat yang digunakan dengan maksud hal berdua-

duaan di tempat yang terpencil atau tersembunyi, antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram dan bukan pula suami isteri (Kamus Dewan, 2010). Dalam bahasa Arab perkataan ini tidak dikhususkan kepada konotasi negatif sebaliknya juga digunakan dengan makna positif seperti *al-khulwah al-shar'yyah* yang membawa maksud berdua-duaan dalam keadaan yang tidak dilarang syarak (al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi, 1992). Penyempitan makna ini menyebabkan penutur Melayu tersilap pemahamannya terhadap terma ini dan menggunakannya dengan makna yang salah. Mereka melakukan generalisasi dengan menggunakan perkataan ini sepertimana maknanya yang difahami dalam bahasa Melayu. Dengan demikian terhasillah ayat seperti *الخلوة الحرام في الإسلام* /khalwat haram dalam Islam/ dalam penulisan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab. (Toklubok & Mezah, 2011). Malah dalam aktiviti penulisan juga, didapati pelajar Melayu cenderung menulis perkataan Arab yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu mengikut ejaan jawi kerana pengaruh bahasa ibunda (Saman, 2015). Menurut Ali (2015) kecuaiian atau ketidakcaknaan kepada diksi yang tepat boleh menimbulkan pemahaman yang salah dalam melaksanakan suruhan agama. Terdapat beberapa diksi berkaitan agama yang menimbulkan kekeliruan kepada pengguna sekiranya tidak digunakan dengan tepat seperti istilah muhrim dan mahram, samak dan sertu, sunnah dan sunat (Ali, 2015). Oleh yang demikian, Abbas (1998) menyarankan agar penggunaan ejaan secara fonetis berlambang sebagai satu penyelesaian untuk mengelakkan kekeliruan kata serapan Arab dalam bahasa Melayu. Contohnya diksi *نِقْمَة* /niqmat/, adalah berbeza dengan *نِعْمَة* /ni'mat/, dan *مُؤْمِنٌ* /mu'min/ adalah berbeza dengan *مُكْمِنٌ* /mukmin/.

Kajian ini bertujuan untuk menyorot makna yang tepat dari segi leksikal dan juga istilah bagi terma *ṭahārah* yang menjadi salah satu syarat utama menyucikan keperluan seharian dan padanannya yang bersinonim seperti suci, bersih dan cuci. Untuk mencapai objektif berkenaan, teori *Componential Analysis* akan dijadikan sebagai landasan.

Literature Review

Pada masa kini, penggunaan dobi layan diri merupakan satu kemudahan dalam membasuh pakaian. Di mana-mana sahaja, kemudahan ini ditawarkan dan mendapat sambutan pengguna. Meskipun mesin tersebut menggunakan air, namun teknik basuhan dengan kuantiti air yang minimum (Mahaiyadin et al., 2021), percampuran pakaian antara yang bersih dengan yang bernajis (Mahaiyadin et al., 2021), penyalahgunaan mesin di dobi layan diri (Yaacob, 2018) dan beberapa isu berkaitan tahap kebersihan dan kesucian menyebabkan timbul keraguan mengenai status kesucian basuhan pakaian yang menggunakan perkhidmatan berkenaan. Pertikaian tersebut berpunca daripada penggunaan terma *ṭahārah* yang dinyatakan dalam al-Quran dan juga kitab-kitab fikah serta padanan yang sinonim dengannya dalam bahasa tempatan sama ada suci, bersih atau cuci.

Al-Quran menggunakan terma *طَهَّرَ* /ṭahara/ apabila memperkatakan mengenai keperluan bersuci sama ada secara lahiriah atau rohaniyah. Antaranya firman Allah SWT: *وَتَبَارَكَ فَطَهَّرَ* /pakaian kamu hendaklah kamu bersihkan/ (al-Muddaththir: 4); *وَعَهْدُنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنَّ طَهَّرَا بَنَيْنَا لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ* /Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf (surah al-Baqarah: 125); *إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ* /sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri/ (surah al-Baqarah: 222), *إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا* /Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)/ (surah al-Ahzāb: 33).

Al-Asfahāni (2009) menjelaskan maksud *ṭahārah* dalam ayat-ayat al-Quran merangkumi dua kategori iaitu suci tubuh badan secara lahiriah dan suci jiwa secara rohaniyah. Apabila Allah SWT berfirman: *وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا* /jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib/ maksudnya ialah sucikan badan secara lahiriah dengan menggunakan air atau sesuatu agen yang boleh mengambil peranannya (al-Asfahāni, 2009, p. 525) dan apabila Allah

berfirman: *وَاللَّهُ يَجِبُ الْمُطَهَّرِينَ* maksudnya ialah pembersihan jiwa secara rohaniah (al-Asfahani, 2009, p. 525).

Ibn Kathīr (tt, 441) menyatakan makna *ṭahārah* dalam ayat 4 surah *al-Muddaththir* mempunyai ruang makna yang luas merangkumi suci dari maksiat, suci dari dosa, suci jiwa, suci hati, suci niat, baik akhlak, baik amalan, dan juga suci pakaian. Malah menurut Ibn Manẓūr (1999) perkataan *ṭahārah* juga digunakan untuk mengisyaratkan maksud melakukan sunnah berkhatan. Dikatakan */ṭahhara fulān waladahū/* [si polan mensucikan anaknya] apabila dia melakukan sunat berkhatan kepada anaknya.

Berdasarkan penjelasan yang dinyatakan, medan makna asal perkataan *ṭahārah* dalam bahasa sumber sangat luas. Perkataan ini diterjemahkan kepada bahasa tempatan dengan beberapa versi terjemahan. Berpandukan carian dalam kitab terjemahan al-Quran oleh Abdullah Basmieh (2013) terma *ṭahara* dalam al-Quran kadang-kadang diterjemahkan sebagai [bersih] (Abdullah Basmieh, 2013 p. 48, 1108 & 1590) dan kadang-kadang diterjemahkan sebagai [suci] (Abdullah Basmieh, 2013 p. 86). Justeru, apakah yang dimaksudkan dengan terma *طَهَّرَ /ṭahara/* dalam konteks agama? Dan adakah istilah berkenaan sepadan dengan konsep bersih, atau suci atau cuci dalam bahasa Melayu? Melihat kepada fenomena ini, kajian ini dilakukan untuk menilai konsep *ṭahārah* ini dari perspektif agama, seterusnya padanannya dalam bahasa Melayu. Pendekatan ini penting kerana penyempitan dan peluasan makna kata pinjaman asing akan mempengaruhi tahap kepedulian pengguna terhadap tuntutan *ṭahārah* berkenaan ketika menggunakan perkhidmatan dobi layan diri.

Kajian Ana Fitria Febilia (2019) menunjukkan tahap pengetahuan pengguna dobi layan diri terhadap tatacara pembersihan najis seperti yang dituntut agama adalah sangat baik tetapi sikap peduli terhadap proses pembersihan melalui perkhidmatan dobi layan diri sangat rendah. Manakala kajian Mahaiyadin et al. (2021) menunjukkan peratusan responden yang memahami hukum *ṭahārah* secara mendalam dan terperinci didapati agak sederhana.

Konsep *ṭahārah*

Perkataan *ṭahārah* diambil daripada perkataan [طَهَّرَ – يُطَهِّرُ – طَهَارَةٌ] bermaksud bersih daripada kotoran sama ada yang bersifat nyata atau abstrak (Ibn Manẓūr, 1999; 'Abd al-Mun'im, n.d). *Ṭahārah* dari segi bahasa bermaksud bersih dan terhindar daripada kotoran luaran seperti najis dan kotoran dalaman seperti sifat-sifat keji. Apabila dikatakan suci daripada najis atau kotoran maksudnya disucikan dengan air dan dikatakan juga suci hati apabila bersih dari sifat hasad dengki (al-Khin & al-Bugha, 1992). Oleh yang demikian al-Asfahāni (2009) membahagikan makna *ṭahārah* dari sudut bahasa kepada dua kategori iaitu suci daripada najis dan kotoran serta suci jiwa. Semua ayat al-Quran yang menggunakan terma ini mengisyaratkan kepada dua makna berkenaan. Suci tubuh badan, pakaian dan tempat akan terhasil dengan menggunakan air atau apa-apa agen yang boleh mengambil peranan air, manakala suci jiwa akan terhasil dengan cara meninggalkan perlakuan dosa atau melakukan kebaikan. Perkataan ini merupakan kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dan telahpun dimasukkan dalam entri Kamus Dewan (1998, p. 1343) dan diertikan sebagai hukum fikah berkaitan dengan kebersihan (merangkumi hukum air, bersuci, najis dan sebagainya).

Dari sudut syarak pula, *ṭahārah* bermaksud perlakuan yang mengharuskan seseorang itu melakukan solat atau apa sahaja ibadah yang mensyaratkannya seperti berwuduk bagi orang yang tidak dalam keadaan berwuduk, mandi bagi seseorang yang diwajibkan mandi dan menghilangkan najis daripada pakaian, tubuh badan dan tempat (al-Ghazzi, 1990; al-Khin & al-Bugha, 1992) dan perlakuan menghilangkan najis berkenaan dilakukan dengan menggunakan air mutlak atau agen yang boleh menghilangkannya menurut syarak iaitu tanah ('Abd al-Mun'im, t.th).

Jelasnya 'Abd al-Mun'im (t.th) menambahkan lagi elemen pelengkap ke dalam istilah *ṭahārah* dengan menyatakan agen yang perlu digunakan dalam amalan penyucian iaitu air mutlak dan tanah dalam keadaan tertentu seperti membersihkan najis *mughallazah* dan tayammum.


Al-Zuhaily (1989) dan al-Zaydan (1994) pula mendefinisikan *ṭahārah* sebagai bersih daripada najis hakiki iaitu kotoran atau najis hukmi iaitu hadas dan kesannya ialah mengharuskan

segala perkara yang tidak harus dilakukan tanpanya seperti solat yang tidak harus ditunaikan melainkan setelah tercapai tahap kesucian seperti yang dituntut syarak (al-Zaydān, 1994).

Manakala al-Nawawi (t.th, p. 123) dan al-Sharqāwī (1996, 30) pula mendefinisikan *ṭahārah* sebagai mengangkat hadas atau menghilangkan najis atau perbuatan yang serupa dengan keduanya dari sudut bentuk dan makna (al-Sharbini, t.th). Jelasnya, berdasarkan perbincangan, konsep *ṭahārah* dalam Islam melibatkan perlakuan menyucikan kotoran dan najis berdasarkan sudut pandang syarak dengan menggunakan agen penyucian yang disyaratkan dan tuntutan berkenaan mempunyai kaitan secara langsung dengan keesahan solat dan ibadah yang didirikan.

Menurut al-Zaydān (1994), oleh kerana konsep *ṭahārah* dalam konteks agama datang dengan maksud suci dari najis, maka mengetahui jenis-jenis najis serta cara menyucikan dan menghilangkannya merupakan satu tuntutan. Kombinasi antara kedua perkara ini iaitu mengetahui jenis najis dan menyucikannya dengan cara yang betul seperti yang dituntut akan merealisasikan tahap *ṭahārah* seperti yang dikehendaki syarak iaitu perlakuan yang mengharuskan seseorang melakukan solat atau ibadah yang mensyaratkan *ṭahārah* pada tubuh badan, pakaian dan tempat. Kombinasi antara tuntutan *ṭahārah* dengan kesahan solat boleh diringkaskan seperti rajah berikut:

Rajah 1: Perkaitan antara *ṭahārah* dan kesahan ibadah



Dari sudut amali syarak mengelaskan najis kepada tiga kategori iaitu *mukhaffafah*, *mutawassitah* dan *mughallazah*. Setiap kategori berkenaan pula mempunyai tatacara penyucian yang berbeza antara satu dengan yang lain. Najis *mughallazah* ditakrifkan sebagai najis yang berat (Kamus Dewan, 1998, p. 902) yang mesti disamak dengan menggunakan tujuh kali basuhan dengan salah satu daripada basuhan menggunakan air tanah. Najis dalam kategori ini ialah najis yang melibatkan anjing dan babi (al-Khin & al-Bugha, 1992). Najis *mutawassitah* pula ialah najis pertengahan yang perlu dibersihkan dengan air mutlak sehingga hilang bau, rasa atau warnanya, seperti bangkai serangga dan darah yang sedikit (Kamus Dewan, 1998 p. 913). Najis dalam kategori ini perlu dilalukan air mutlak ke atasnya sehingga hilang kesan serta sifatnya sama ada warna atau bau atau rasa (al-Khin & al-Bugha, 1992). Manakala najis *mukhaffafah* ialah najis ringan, iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang belum berumur dua tahun yang hanya menyusup pada ibunya (Kamus Dewan, 1998, p. 904). Najis dalam kategori ini hanya memerlukan renjisan air sahaja untuk disucikan (al-Khin & al-Bugha, 1992).

Manakala dalam melakukan proses *ṭahārah*, air mutlak merupakan instrumen penyucian bagi semua jenis kotoran dan benda-benda yang dihukumkan najis oleh syarak (Al-Nawawi,

1995). Air mutlak ditakrifkan sebagai air yang benar-benar tulen yang tidak bercampur dengan sebarang bendasing. Ada yang mentakrifkannya sebagai air yang kekal dalam bentuknya yang asal (al-Nawawi, 1995). Para sarjana Islam bersepakat bahawa penggunaan air mutlak ini adalah syarat untuk pembersihan pakaian daripada najis (Ibn 'Abidin, 2000; Al-Hattāb, 1995; Al-Syarbīni, 1994).

Berdasarkan perbincangan yang lalu, boleh disimpulkan bahawa medan makna perkataan *ṭahārah* mempunyai lima ciri-ciri khusus iaitu:

1. menghilangkan najis
2. melibatkan cara menyucikan atau menghilangkan najis
3. perlu menggunakan air mutlak
4. menghilangkan bau, warna dan rasa
5. boleh dibawa dalam solat

Padanan terma *ṭahārah* dalam bahasa Melayu

Componential Analysis menyatakan bahawa makna terdiri daripada komponen makna yang dipanggil ciri semantik (Kempson, 1977). Ahli bahasa menggunakan *Componential Analysis* untuk memberikan gambaran yang jelas tentang hubungan sistematik antara perkataan. Sesuatu perkataan itu mempunyai beberapa unsur atau ciri utama yang membentuk maknanya dan membezakannya dengan perkataan lain ('Umar, 1998, p. 114). Ciri-ciri ini mestilah bersifat asasi atau utama dan bukannya sampingan. Untuk menentukan unsur dan ciri-ciri tersebut, satu dasar perlu ditentukan terlebih dahulu ('Umar, 1998, p. 123). Sebagai contoh, untuk menentukan ciri-ciri makna perkataan "bapa" maka dasar utama yang boleh digunakan ialah jantina, tahap generasi, jenis hubungan dan bentuk pertalian. Dengan demikian boleh ditentukan ciri-ciri makna bagi perkataan "bapa", iaitu lelaki, generasi lalu, mempunyai hubungan langsung dan juga hubungan darah.

Inilah yang ditegaskan oleh Bloomfield (1984) dalam karyanya *Language* apabila dia dinukilkan berkata:

"We must discriminate between *non-distinctive* features of the situation, such as the size, shape, color, and so on of any one particular apple, and the *distinctive*, or linguistic meaning (the semantic features) which are common to all the situations that call forth the utterance of the linguistic form, such as the features which are common to all the objects of which English-speaking people use the word *apple*" (Bloomfield, 1984, p. 141)

Berdasarkan perbincangan yang lalu terma *ṭahārah* dikesan mempunyai lima ciri khusus iaitu: menghilangkan najis, melibatkan cara menyucikan atau menghilangkan najis yang khusus, menggunakan air mutlak, perlu menghilangkan bau, warna dan rasa dan boleh digunakan untuk menunaikan solat. Justeru, ciri pecahan daripada ciri-ciri asas ini menuntut pelaku mengetahui dengan tepat jenis-jenis kotoran dan cara menyucikan setiap jenis najis berkenaan supaya akhirnya boleh digunakan dalam ibadah khususnya solat.

Dalam bahasa Melayu didapati empat perkataan yang hampir sepadan maknanya dengan istilah *ṭahārah*. Perkataan-perkataan berkenaan ialah suci, bersih, cuci dan nirmala. Perkataan suci mempunyai medan makna yang lebih khusus berbanding dengan bersih atau cuci atau nirmala. Dalam Kamus Dewan (1998, p. 1310) dinyatakan lima medan makna bagi perkataan suci sebagai berikut iaitu:

1. bersih dari segi agama: contohnya makanan yang suci
2. tidak berdosa, tidak bernoda, kudus, nirmala, soleh: contohnya orang yang suci
3. bersifat keagamaan (ketuhanan): contohnya ayat suci; Kitab Suci; Tanah Suci Mekah
4. bersih daripada sebarang kejahatan atau keburukan (niat, perasaan, dan lain-lain), murni, hati yang suci.
5. bersih atau bebas (daripada kotoran dan lain-lain): contohnya suci daripada haid; suci daripada najis

Terma bersih pula mempunyai tiga medan makna seperti berikut:

- 1- tidak kotor, bebas daripada pencemaran udara dan lain-lain,
- 2- kesihatan: menyedut udara bersih di kawasan pergunungan; meminum air yang bersih;

3- jujur dan ikhlas, serta bebas daripada amalan yang tidak baik seperti rasuah, penyelewengan, dan sebagainya (Kamus Dewan, 1998, p. 147).

Perkataan cuci pula digunakan dengan maksud perlakuan membersihkan seperti cuci calat dengan maksud bersih sebersihnya, cuci darah, cuci mata dengan maksud melihat-lihat perempuan dan lain-lain untuk menyeronokkan hati, cuci perut: membersihkan perut dengan julap dan lain-lain; cuci tangan tidak mahu terlibat dalam hal orang, di samping digunakan juga dengan maksud membasuh dengan air seperti, cuci pinggan mangkuk dan cuci kain (Kamus Dewan, 1998, p. 251).

Terdapat satu lagi perkataan yang digunakan dengan makna yang hampir sama tetapi jarang digunakan dalam komunikasi harian iaitu perkataan nirmala. Nirmala didefinisikan sebagai tidak bernoda (cemar), bersih, suci (Kamus Dewan, 1998, p. 931).

Ringkasan padanan ciri-ciri makna terma *tahārah* dan padanannya dalam bahasa Melayu boleh diringkaskan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Padanan ciri-ciri Makna *tahārah* dan padanannya dalam bahasa Melayu

Tahārah	Suci	Bersih	Cuci	Nirmala
menghilangkan najis	/	X	X	X
cara menghilangkan najis	X	X	X	X
menggunakan air mutlak	X	X	X	X
menghilangkan bau, warna dan rasa	X	X	X	X
digunakan dalam solat	X	X	X	X

*Nota: / = mempunyai ciri; X= tidak mempunyai ciri

Berdasarkan maklumat perkamusan ini, jelas bahawa perkataan suci mempunyai medan makna yang lebih khusus kerana merujuk kepada makna keagamaan berbanding dengan perkataan lain yang sinonim dengannya. Perkataan ini membawa makna bersih dari sudut agama dan bebas dari kotoran. Walau bagaimanapun terdapat kekurangan elemen makna bagi perkataan ini berbanding terma *tahārah* kerana tidak terdapat elemen jenis najis dan cara menyucikan najis dan penggunaan air mutlak dalam komponen makna perkataan ini. Elemen yang mengaitkan dengan keesahan solat juga tiada. Justeru, didapati perkataan suci sepadan dengan terma *tahārah* dari satu ciri dan tidak sepadan dengannya dari empat ciri yang lain. Terdapat juga konotasi yang sepadan dengan makna *tahārah* dari sudut bahasa apabila perkataan suci dikaitkan dengan penyucian jiwa dan suci dari dosa dan sebarang kejahatan.

Manakala tiga lagi terma didapati tidak sepadan dengan terma *tahārah* dalam bahasa sumber. Terma bersih contohnya digunakan dengan makna tidak kotor sepertimana dikatakan udara bersih iaitu udara yang tidak tercemar. Perkataan ini juga digunakan dengan maksud bersih jiwa apabila dikaitkan dengan sikap seperti bebas daripada amalan yang tidak baik seperti rasuah, penyelewengan, dan sebagainya (Kamus Dewan, 1998, p. 147). Walau bagaimanapun ciri maknanya tidak dikaitkan dengan agama seperti tidak berdosa, berjiwa murni dan sebagainya. Justeru, medan maknanya lebih menfokuskan kepada bersih pada pandangan mata, bukannya melibatkan rohani. Perkataan cuci pula lebih menjurus kepada perlakuan membersihkan sesuatu sama ada secara leksikal atau secara kiasan. Secara leksikal, terma ini bermaksud membasuh sesuatu dengan air (Kamus Dewan, 1998, p. 251). Terma cuci mata dan cuci tangan pula digunakan dengan makna metafora iaitu menjamu mata dengan melihat kepada sesuatu yang menarik perhatian, manakala cuci tangan pula digunakan dengan makna berlepas diri dari sesuatu. Manakala terma nirmala kurang digunakan dalam komunikasi harian dan hanya ditemui dalam tesaurus kamus bahasa Melayu.

Oleh yang demikian dalam penggunaan harian, istilah suci didapati mempunyai medan makna yang lebih khusus dan terhampir dengan konsep *tahārah* dalam agama. Perkataan ini lebih menjurus kepada tuntutan agama dan berbeza dengan perkataan bersih, cuci dan nirmala. Lebih-lebih lagi dalam konteks amalan penyucian pakaian, peralatan, tubuh badan dan sebagainya. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa perkataan *tahārah* dalam agama lebih hampir

dari sudut makna dan konsep kalau dipadankan dengan perkataan suci dalam bahasa Melayu, walaupun terdapat kehilangan beberapa ciri makna.

Perbincangan dapatan kajian

Peminjaman istilah dari bahasa asing akan menyumbang kepada penyempitan makna sesuatu terma. Walaupun terma *tahārah* telah diterima pakai dalam bahasa Melayu dan dimasukkan dalam entri Kamus Dewan (1998, p. 1343), akan tetapi kewujudan beberapa terma yang seakan sinonim akan menimbulkan masalah kekeliruan dalam memahami maksud sesuatu terma, lebih-lebih lagi terma yang melibatkan amalan agama seharian. Masyarakat akan keliru dengan tuntutan *tahārah* seperti yang dituntut syarak kerana ada padanan yang hampir sama tetapi kurang ciri maknanya pada istilah yang digunakan seharian. Masyarakat kebanyakan akan membuat generalisasi bahawa bersih pada pandangan mata adalah suci dan boleh digunakan dalam solat, walaupun mungkin tidak memenuhi beberapa tuntutan *tahārah* yang lain. Inilah yang ditegaskan oleh Ana Fitria Febilia (2019) dan Mahaiyadin et al. (2021) bahawa kesedaran pengguna mengenai tuntutan berkenaan dalam praktikal seharian adalah sederhana. Oleh yang demikian, kajian yang melibatkan kesedaran pengguna dalam amalan seharian sangat sesuai untuk menilai adakah tahap kefahaman pengguna seiring dengan amalan mereka seharian, terutamanya dalam membersihkan pakaian menggunakan mesin basuh di lobi layan diri.

Walaupun para sarjana merumuskan bahawa penggunaan mesin basuh moden adalah diharuskan (al-Zuhayli, 1989; Abdullah, 2014), pengguna disarankan untuk mengambil langkah tambahan untuk mengatasi masalah keraguan yang timbul mengenai tahap kesucian pakaian yang dicuci (Jabatan Mufti Pulau Pinang, 2020). Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2018) telah mewartakan bahawa membasuh pakaian menggunakan mesin basuh automatik adalah suci kerana menepati hukum syarak, manakala basuhan menggunakan mesin separa automatik tidak bersih dan perlu melalui proses dibilas dengan air mutlak.

Oleh kerana wujudnya pandangan spektikal mengenai tahap kesucian pakaian yang dicuci menggunakan mesin basuh moden ini, Maulida & Muslimah (2021) merumuskan penyelesaian terbaik bagi pengguna yang menggunakan mesin cuci atau yang menjalankan perusahaan dobi layan diri ialah memisahkan tempat pakaian kotor yang diketahui bernajis berat */mughallazah/*; mendahulukan mencuci pakaian yang bernajis ringan */mukhaffafah/*; membilasnya dengan air mengalir sebelum dijemur atau dikeringkan. Manakala Jabatan Mufti Pulau Pinang (2020) menggariskan tiga langkah sebagai penyelesaian kepada masalah ragu mengenai tahap kesucian pakaian ketika membersihkan menggunakan mesin basuh iaitu:

- 1- Membersihkan kesan najis seperti darah, air kencing dan tahi terlebih dahulu dari pakaian dengan air mutlak sebelum mulakan basuhan.
- 2- Membilas pakaian tersebut beberapa kali sehingga diyakini tiada lagi kesan najis.
- 3- Mengasingkan pakaian bernajis daripada pakaian tidak bernajis sama ada dalam rendaman atau basuhan (Jabatan Mufti Pulau Pinang, 2020, 46)

Jika yang digunakan ialah mesin basuh yang tidak mengalir airnya, sama ada manual atau automatik, maka dicadangkan agar dibasuhkan pakaian itu terlebih dahulu kemudian dicuci menggunakan mesin basuh. Manakala jika mesin tersebut boleh dialirkan airnya, sama ada manual atau automatik, sekiranya dibilas berkali-kali sehingga hilang bau, warna dan rasa najis itu, maka pakaian tersebut suci. (Ayub, 2016, Al-Kafi #311).

Conclusion

Componential Analysis mendedahkan terdapat jurang yang ketara di antara makna konsep terma sumber dengan padanannya dalam bahasa tempatan. Kewujudan jurang makna ini akan memberi kesan kepada pemahaman masyarakat dalam praktis mereka. Masyarakat akan menyempitkan makna terma pinjaman sesuai dengan terma tempatan yang seakan sinonim berkenaan. Oleh yang demikian, tahap kepedulian yang tinggi masyarakat terhadap pengetahuan asas agama seperti hukum *tahārah*, dan keperluan menjaga kesucian dalam beribadat adalah perlu untuk memastikan tuntutan khusus seperti *tahārah* ini dipatuhi dalam praktis seharian masyarakat. Masyarakat bukan sahaja perlu tahu, malah mempraktiskannya dalam kehidupan seharian mereka. Kesedaran ini sangat penting, lebih-lebih lagi ketika menggunakan kemudahan awam seperti perkhidmatan dobi layan diri kerana kemudahan yang disediakan adalah untuk manfaat ramai. Pengguna seharusnya dididik supaya meletakkan keutamaan bersama dalam setiap tindak tanduk mereka. Justeru, pendidikan asas agama di semua peringkat pengajian, pendedahan masyarakat mengenai hukum hakam asas bersuci, penggunaan pelekat peringatan, pelekat tatacara penggunaan dan had penggunaan adalah disarankan dalam mendidik masyarakat ke arah mutu kehidupan yang lebih tinggi.

Acknowledgement

Projek ini dibiayai oleh Syarikat Kembara Ibrah Laundry, Terengganu Sdn. Bhd. dengan no. projek PV072-2022. Pasukan penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang dan juga semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

References

- 'Abd al-Mun'im, Mahmud 'Abd al-Rahman. (n.d). *Mu'jam Muṣṭalahāt al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dar al-Faḍīlah.
- 'Umar, A. M. (1998). *Ilm al-Dilālāt*. Cairo: 'Ālam al-Kutub.
- Abbas M. S. (1988). Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu. *Sekata*, 5(1), 20-33.
- Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Darulfikir.
- Abdullah, H. A. (2014). Al-Ma'āyir al-Tiqniyyah al-Muttaba'ah fi Wasā'il al-Taḥīr al-Hadīthah wa Madā Murā'ātiha li al-Usūs wa al-Dhawābiṭ al-Syar'iyyah fi Dhaw' Ijtihādāt al-Fiqh al-Hanafī. *Majallah al-Iqtisād al-Islāmi al-'Ālamiyyah*. 21(2014), pp. 14-17.
- Abdullah, N., Rahman, L. A., Hamid N. A., & Musa M, S. (2017). Ketidaksepadanan Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Dalam Surah al-Syu'araa. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK2017)*, pp. 26-27.
- Al-Asfahānī, al-Rāghib. (2009). *Mufradāt Alfāz al-Qurān*. Ṣafwān Ādnān Dāwūdi (ed.). Damasqus: Dār al-Qalam.
- Al-Ghazzi, Muhammad bin Qāsim. 1990. *Sharḥ Matan Abī Shujā'*. Abd al-Raḥīm Mardīnī (ed.). Damascus: Maktabah Dār al-Maḥabbah.
- Al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani. (1995). *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali, R. (2015). Isu istilah, kata dan diksi dalam berbahasa. *Issues in Language Studies*, 4(1), 38-45.
- Al-Khin, M. & al-Bugha, M. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Shāfi'i*. Damasqus: Dār al-Qalam.
- Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. (2003). Larūs: Al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Thaqāfah wa al-Tarbiyyah wa al-'Ulūm.
- Al-Nawawi, Muḥy al-Dīn bin Syaraf. (1995). *Rawḍah al-Tālibīn wa 'Umdat al-Muḥtāj*. Beirut: Dār al-Fikr.

- Al-Nawawi, Muḥy al-Dīn bin Syaraf. (t.th). *al-Majmū' Sharḥ al-Muhazzab*. Muhammad Najīb al-Muṭī Rawdhat al-Tālibīn wa Umdat al-Muftin. Beirut: Al-Maktab Islami
- Al-Sharbini, Muhammad bin Khatib. (t.th). *al-Mughni al-Muhtāj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Sharqāwī, Abdullah bin Hijāzī. (1996). *Hāshiyah al-Sharqāwī Āla Tuhfah al-Ṭullāb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zaydan, Ābd al-Karīm. (1994). *Al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Zuhailī, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Ana Fitria Febilia. (2019). *Perlindungan Konsumen Terhadap Kesucian Pakaian hasil Jasa Laundry*. Master's Thesis. Universitas Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia.
- Ayub M. M. A., (2016, July 1). AL-KAFI #311: Menyucikan Pakaian Dengan Mesin Basuh. Retrieved from <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1182-al-kafi-311-menyucikan-pakaian-dengan-mesin-basuh> on 2023, July 5.
- Bloomfield, L. (1984). *Language*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Buang, S. (2017, September 25). Mufti: Dobi 'Muslim sahaja' amalan sempit. Malaysia Kini. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/396208>. Retrieved on 2023, July 5.
- Dorsono P. R., (2019, July 19). Mendobi juga ada resiko. Sinar Harian. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/38677/suara-sinar/analisis-sinar/mendobi-juga-ada-risiko> on July 5, 2023.
- Fuad F. (2020, July 12). Lelaki disyaki bunuh 3 kucing di dobi. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/709993/lelaki-disyaki-bunuh-3-kucing-di-dobi> on 2023, July 5.
- Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hiyer A. N. (2019, December 2). Wahai Suami, Tutuplah Aib Pakaian Isteri Ketika Guna Dobi Layan Diri. Mingguan Wanita. Retrieved from <https://www.mingguanwanita.my/wahai-suami-tutuplah-aib-pakaian-isteri-ketika-guna-dobi-layan-diri/> on 2023, July 5.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin 'Umar. (2000). *Hāsiyyah Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathīr, Ismāīl bin Kathīr. (t.th). *Tafsīr al-Qurān al-Āzīm*. Beirut: Dār al-Jayl.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Makram. (1999). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jabatan Mufti Pulau Pinang. (2020). *Hukum Kebersihan Pakaian Bernajis Menggunakan Mesin Basuh*. Georgetown: Three Communication & Designs Sdn Bhd.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. (2018). Pandangan Hukum Syarak Garis Panduan Penggunaan Mesin Basuh Automatik. Retrieved from <https://www.muftiselangor.gov.my/perkhidmatan/penerbitan/garis-panduan-etika-berpakaian> on 2023, July 5.
- Jumat. M. A. A. (2023). Analisis Komponen Makna dan Kefahaman Istilah Serapan Agama dalam Hadis 40 Imam Nawawi. Master's Thesis. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kamal, M, H. (2023). *Kebolegunaan Teknik Terjemahan Gaya Bahasa Itifāt Kata Nama Ilahi dalam al-Quran*. Doctoral Thesis. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kempson, R. M. (1977). *Semantic Theory*. London: Cambridge University Press.
- Leong I. & Ariffin A. (2018, October 2) "Mesin basuh bukan untuk basuh manusia" - Pemilik dobi layan diri. Astro Awani. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita->

- malaysia/mesin-basuh-bukan-untuk-basuh-manusia-pemilik-dobi-layan-diri-187166. Retrieved on 2018, Oct 2.
- Lubis, P., Rustiyarso & Rum Rosyid. (2015) Analisis SWOT Keberhasilan Usaha Kampus Laundry Mahasiswa Penerima PMW Untan Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*. 4(9). 1-12
- Mahaiyadin, M. H., Suhaimi, R., & Radzi, H. M. (2021). Kefahaman Masyarakat Terhadap Kebersihan Pakaian Bernajis Dengan Basuhan Mesin Basuh: Satu Analisis Awal. *Journal of Fiqhiyyat*, 1(1), pp. 16-29.
- Mahaiyadin, M. H., Suhaimi, R., Radzi, H. M., Mahmood, A., & Ismail, N. F. (2020). Penggunaan Mesin Basuh dan Dobi untuk Penyucian Pakaian Bernajis: Analisis Menurut Perspektif Fiqh dan Sains. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), pp. 68-86.
- Maulida & Muslimah. (2019). Status Hukum Pakaian Laundry dalam Konsep Thaharah sebagai Penyempurna Ibadah. *Jurnal Al-Qiyam*, Vol. 2, No. 1, June 2021, pp. 37-43.
- Pyles, T. & Algeo, J. 1982. *The Origin and Development of the English Language*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Rahman, M. Z. A.; Hussin, M. & Mezah C. R. (2018). *Kontrastif Bahasa Arab - Bahasa Melayu*. Serdang: Penerbit UPM.
- Saman, M. Z M. (2015). *Perbezaan Bentuk Tulisan Arab Dan Jawi Bagi Kata Pinjaman Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Master's Thesis. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Sani M. S. M, (2017, September 23). Biar suci, bersih. *Harian Merto*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/266235/biar-suci-bersih> on 2023, July 5.
- Skuad Khas. (2019, Oct 16). Bahaya dobi layan diri tidak berlesen. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/10/507462/bahaya-dobi-layan-diri-tidak-berlesen-metrotv> on 2023, July 5.
- Suki, M. M., (2019, September 6). Berkongsi mesin dobi dengan orang bukan Islam. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/46697/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Berkongsi-mesin-dobi-dengan-orang-bukan-Islam> on 2023, July 5.
- Toklubok, P., & Mezah, C. R. (2011). Penggunaan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*, 13(1), pp. 1-16.
- Yaacob, M. A. S. (2018). Tergamak sungguh... *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/472589/tergamak-sungguh> on 2023 July 5.
- "Akak Saja Basuh Kain Alas Kucing di Dobi, Tak Nak Najis Bercampur Dengan B. (2018, November 1). Retrieved from <https://b.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=1131091> on 2023, July 5.
- Sumbat selagi boleh! Lelaki bengang tengok makcik guna mesin di dobi layan diri. (2022, Sept 2). *Mstar*. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2022/09/03/sumbat-selagi-boleh-lelaki-bengang-tengok-makcik-guna-mesin-di-dobi-layan-diri-ini-ke-cara-b40-nak-berjimat> on 2023, June 6.
- Kedai dobi untuk pelanggan 'Muslim saja' cetus kontroversi di media sosial. (2017, September 26). Retrieved from <https://berita.mediacorp.sg/dunia/kedai-dobi-untuk-pelanggan-muslim-saja-cetus-kontroversi-di-290246> on 2023, July 5.